



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAKI-LAKI METHODIST
METHODIST BOYS' SECONDARY SCHOOL

Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur

mbsskl.edu.my

Tel: 03-20782293

Fax: 03-20341346

Kepada,
Semua Guru Besar,
SK / SJK (C) / SJK (T),
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

**PENGAMBILAN DAN PENDAFTARAN MURID TINGKATAN 1 SESI PERSEKOLAHAN 2010
DI BAWAH PROGRAM KEBITARAAN (NICHE AREA) SEKOLAH KLUSTER
KECEMERLANGAN.**

Dengan segala hormatnya surat JPWP 02-3107 / Jld. 1 / (09) yang bertarikh 1 Julai 2009 dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak pengurusan sekolah ini sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan diberi kuasa autonomi untuk memilih 10% pelajar Tingkatan 1 yang cemerlang dalam bidang kebitaraan (niche area) bagi pengambilan 2010 berdasarkan:

- ICT atau
- Bahasa Inggeris atau
- Catur

3. Pelajar-pelajar yang berpotensi ini tidak terikat kepada kelayakan akademik sekurang-kurangnya 4A 1B atau 6A / 1B dalam UPSR 2009.

4. Oleh yang demikian pihak sekolah mempelawa pelajar-pelajar dari sekolah tuan / puan yang berpotensi dalam salah satu bidang kebitaraan di atas untuk memohon ke Tingkatan 1 untuk sesi 2010 dengan mengemukakan yang berikut :

- a. Borang permohonan seperti yang dilampirkan
- b. Salinan Sijil Lahir / Kad Pengenalan
- c. Salinan keputusan UPSR 2009
- d. Salinan sijil pencapaian tertinggi yang berkaitan dengan salah satu bidang kebitaraan di atas

5. Semua permohonan hendaklah sampai kepada sekolah ini sehari selepas keputusan UPSR diumumkan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Pn. Siti Fatimah bt Isnin di talian 03-20782283 atau mbsskl@gmail.com

6. Bersama surat ini juga dilampirkan borang permohonan yang perlu diisi dengan lengkap oleh ibu bapa/penjaga murid.

7. Sila sebarkan seluas-luasnya pengambilan pelajar melalui proses ini kepada warga sekolah tuan/puan. Surat ini dan borang permohonan juga boleh dimuatturun dari laman web: mbsskl.edu.my

Kerjasama dan tindakan daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

(EN. WONG CHEE KHEON)
Pengetua

s.k. Unit Menengah, JPWP (u.p. Cik Faridah bt. Jebah)